**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**
**02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XXI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM**
**YB. SATEES A/L MUNIANDY**

3. Berapakah jumlah wang yang telah dikutip melalui program *No Free Plastic Bag* mengikut daerah dan adakah wang tersebut digunakan untuk projek dan program pemeliharan dan pemuliharan Alam Sekitar di negeri Pulau Pinang?

**YB. PHEE BOON POH**
**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Jumlah keseluruhan kutipan hasil dari pelaksanaan kempen *No Free Plastic Bag* sejak tahun 2009 hingga Jun 2018 adalah sebanyak RM7,764,942,41. Maklumat jumlah kutipan mengikut daerah disediakan mulai tahun 2017 setelah garis panduan 2.0 program ini dilancarkan seperti perincian berikut:

| **Daerah** | **2017** | **2018 (sehingga 30 Jun 2018)** |
|---|---|---|
| **SPU** | 138,864.06 | 108,658.77 |
| **SPT** | 308,586.81 | 241,463.94 |
| **SPS** | 66,860.48 | 52,317.19 |
| **DTL** | 704,414.00 | 453,730.40 |
| DBD | 51,125.00 | 19,009.00 |
| **JUMLAH** | **1,269,850.35** | **875,179.30** |

Setakat ini, polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah semua kutipan daripada Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma disalurkan sepenuhnya ke Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang bagi kegunaan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) iaitu program pembasmian kemiskinan.